



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN

PENYALURAN SUMBANGAN TUNAI RAHMAH FASA 3 KEPADA 5.3 JUTA PENERIMA MULAI HARI INI

Bayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 3 akan mula disalurkan secara berperingkat mulai hari ini, 15 Ogos 2026, kepada 5.3 juta penerima, meningkat sebanyak 300,000 penerima berbanding 5 juta penerima pada awal tahun.

Kerajaan MADANI memperuntukkan RM1.2 bilion bagi pembayaran Fasa 3. Daripada 5.3 juta penerima tersebut, 3.9 juta merupakan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana rendah, manakala 1.4 juta merupakan warga emas tiada pasangan.

Bagi Fasa 3, penerima akan menerima bayaran antara RM150 dan RM600, bergantung kepada pendapatan dan bilangan anak, manakala warga emas tiada pasangan akan menerima RM150.

Jumlah keseluruhan STR yang disalurkan bagi tiga fasa tahun 2026 mencecah **RM3.6 bilion.**

Bergantung kepada kategori kelayakan, penerima boleh **menerima bantuan sehingga RM3,300 secara terkumpul setakat Ogos 2026** melalui STR Fasa 1 hingga Fasa 3 serta Sumbangan Asas Rahmah (SARA) bulanan. Jumlah ini tidak termasuk pemberian *one-off* SARA untuk Semua kepada semua warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas.

Mulai tahun 2026, bantuan kepada rakyat distrukturkan sokongan diterima secara lebih teratur sepanjang tahun. STR disalurkan secara suku tahunan, manakala SARA menyediakan bantuan asas secara bulanan kepada penerima yang layak

“Dalam keadaan kos sara hidup masih menjadi cabaran kepada sebahagian rakyat, Kerajaan akan terus memastikan bantuan sampai kepada mereka yang memerlukan. Sebab itu jumlah isi rumah yang menerima STR meningkat daripada 3.7 juta pada awal tahun kepada 3.9 juta bagi Fasa 3,” kata YAB Dato’ Seri Anwar.

“STR dan SARA membantu meringankan keperluan rakyat hari ini, sementara Kerajaan terus melaksanakan reformasi dan memperkukuh ekonomi bagi meningkatkan pendapatan serta taraf hidup rakyat. Matlamat kita bukan sekadar memberi bantuan, tetapi memastikan

kehidupan rakyat bertambah baik,” tambah beliau.

Penstrukturan semula kewangan Kerajaan serta penambahbaikan tatakelola telah membolehkan lebih banyak hasil negara disalurkan kepada rakyat yang memerlukan. Peruntukan keseluruhan STR dan SARA bagi tahun 2026 berjumlah RM15 bilion, tertinggi dalam sejarah Kerajaan Persekutuan dan hampir tiga kali ganda pembayaran Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) pada tahun 2016.

Penerima yang mempunyai akaun bank akan menerima bayaran STR Fasa 3 melalui pengkreditan terus ke akaun masing-masing mulai 15 Ogos 2026. Penerima yang tidak mempunyai akaun bank pula boleh mendapatkan bayaran secara tunai melalui cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) di seluruh negara.

Bagi mengurangkan risiko keciciran, permohonan baharu dan rayuan STR dibuka sepanjang tahun melalui portal rasmi STR di bantuan.tunai.hasil.gov.my. Soalan lazim (FAQ) berkenaan STR turut disediakan di portal tersebut manakala FAQ SARA boleh disemak melalui portal rasmi SARA di sara.gov.my.

Kementerian Kewangan mengingatkan orang ramai supaya berwaspada terhadap pautan palsu dan cubaan penipuan, serta hanya merujuk kepada portal rasmi STR bagi mendapatkan maklumat terkini.

Kementerian Kewangan

Putrajaya

15 Ogos 2026

Lampiran

1. Pembayaran STR Fasa 3 akan disalurkan secara berperingkat:

Kaedah Pembayaran	Tarikh Pembayaran
Mempunyai akaun bank - Dikreditkan terus ke dalam akaun bank	Mulai 15 Ogos 2026
Tiada akaun bank (termasuk di Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan) - Pembayaran secara tunai melalui cawangan Bank Simpanan Nasional	

2. Pembayaran STR Fasa 3 mengikut kategori kelayakan masing-masing:

Kategori Penerima	Jumlah Penerima	Kadar Bayaran	Implikasi Kewangan (RM)
Isi Rumah ($\leq$ RM2,500)	2.8 juta	RM200 – RM600	0.9 bilion
Isi Rumah (RM2,501-RM5,000)	1.1 juta	RM150 – RM250	0.2 bilion
Warga Emas Tiada Pasangan	1.4 juta	RM150	0.1 bilion
JUMLAH	5.3 juta	-	RM1.2 bilion

3. Perbandingan pembayaran STR dan SARA Bulanan Tahun 2025 dan 2026 mengikut kategori kelayakan masing-masing:

Kategori Penerima	Had Umur	Kategori Bantuan / Pendapatan Bulanan	Bilangan Anak	Jumlah Bantuan STR		Semua Penerima STR Layak SARA Bulanan (RM100/RM50 sebulan)		Jumlah STR + SARA Bulanan		Tambahan SARA Bulanan untuk Miskin dan Miskin Tegar (RM100/50 sebulan)	Jumlah Maksimum dan Minimum STR + SARA Bulanan
				2025	2026	2025	2026	2025	2026		
ISI RUMAH	Tiada Had Umur	RM2,500 dan ke bawah (2.8 juta penerima)	Tiada	RM1,000	RM700	RM900	RM1,200	RM1,900	RM1,900	RM1,200/ RM600 setahun (RM100/ RM50 setiap bulan untuk 12 bulan)	Maksimum: RM4,600 Minimum: RM600
			1-2 Anak	RM1,500	RM1,200	RM900	RM1,200	RM2,400	RM2,400		
			3-4 Anak	RM2,000	RM1,700	RM900	RM1,200	RM2,900	RM2,900		
			≥5 Anak	RM2,500	RM2,200	RM900	RM1,200	RM3,400	RM3,400		
		RM2,501 – RM5,000 (1.1 juta penerima)	Tiada	RM500	RM200	RM900	RM1,200	RM1,400	RM1,400		
			1-2 Anak	RM750	RM450	RM900	RM1,200	RM1,650	RM1,650		
			3-4 Anak	RM1,000	RM700	RM900	RM1,200	RM1,900	RM1,900		
WARGA EMAS TIADA PASANGAN	≥60 Tahun	RM5,000 dan ke bawah (1.4 juta penerima)	Tiada	RM600	RM600	RM450	RM600	RM1,050	RM1,200		
BUJANG	21-59 Tahun	RM2,500 dan ke bawah (3.2 juta penerima)	Tiada	RM600	-	-	RM600	RM600	RM600		